

KAWALAN PENUH

Imbuhan pengarah antara isu yang menjadi pertikaian dalam kalangan pelabur. Di Malaysia, kita biasa melihat para pengarah diberikan ganjaran yang lumayan walaupun syarikat mencatatkan prestasi yang lemah. Jawatankuasa RC dan LTIP bertanggungjawab memastikan amalan imbuhan yang adil dan telus. Bagaimanapun, keberkesanan dan kebebasan mereka kadangkala menjadi persoalan.

> **Tinjauan Mingguan
MSWG AGM/EGM**

Muka 6

> **Pengumuman
Khas**

Muka 11

Prestasi Lemah, Ganjaran Mewah

Imbuan pengarah biasanya merangkumi pampasan kewangan, termasuk gaji, bonus dan faedah lain seperti caruman KWSP, manfaat barangan dan elaun. Selain itu, syarikat mungkin menawarkan pampasan saham kepada pengarah, termasuk pemberian saham atau opsi saham di bawah skim seperti Skim Opsyen Saham Pekerja (*Employees Share Option Scheme, ESOS*).

Walaupun pelabur mengakui bahawa imbuan yang adil menjadi ganjaran kepada pengarah atas sumbangan mereka kepada syarikat dan membantu menarik serta mengekalkan bakat, terdapat banyak kebimbangan yang disuarakan mengenai jumlah yang dibayar. Sudah menjadi perkara biasa untuk melihat syarikat-syarikat tersenarai Malaysia bermurah hati memberikan imbuan yang mewah kepada pengarah meskipun syarikat berdepan prestasi kewangan yang lemah pada tahun tersebut.

Sebagai contoh, syarikat pembinaan infrastruktur, J Bhd, yang disenaraikan dalam Pasaran Utama Bursa Malaysia. J Bhd memberi ganjaran kepada kedua-dua Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer, CEO*) dan Pengarah Eksekutif (*Executive Director, ED*) sebanyak RM11.82 juta secara kolektif pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (tahun kewangan 2023), walaupun prestasi kewangan syarikat semakin merudum. Pada tahun kewangan 2023, pendapatan dan keuntungan bersih syarikat masing-masing merosot sebanyak 58.2% dan 68.9% kepada RM39.56 juta (tahun kewangan 2022: RM94.65 juta) dan RM16.74 juta (tahun kewangan 2022: RM53.78 juta).

Sebagai tambahan kepada pampasan monetari, kedua-dua pengarah itu turut diberi ganjaran dengan saham yang diterbitkan di bawah Pelan Pemberian Saham (*Share Grant Plan, SGP*), iaitu sebahagian daripada Pelan Insentif Jangka Panjang (*Long Term Incentive Plan, LTIP*). Sebanyak 47 juta saham bernilai RM8.46 juta telah diterbitkan di bawah SGP untuk kedua-dua pengarah tersebut. Saham yang diterbitkan itu merangkumi 70% daripada jumlah imbuan yang dibayar kepada kedua-dua pengarah.

Sepanjang lima tahun yang lalu, kira-kira 120 juta saham telah diterbitkan kepada kedua-dua pengarah di bawah SGP (rujuk Jadual 1). Semua saham telah diletakkan hak secara serta-merta selepas diberikan kepada pengarah berkenaan, menyebabkan RM43.88 juta (jumlah nilai SGP) direkodkan di bawah imbuan pengarah. Perlu diingat juga pada 1 April 2024, CEO memegang kepentingan ekuiti Syarikat sebanyak 14.11%.

Sementara itu, pampasan monetari mereka sebahagian besarnya kekal tidak berubah iaitu kira-kira RM2 juta dan RM1 juta (rujuk Jadual 2), walaupun keuntungan bersih syarikat merosot daripada RM108.1 juta pada tahun kewangan 2019 kepada RM16.7 juta pada tahun kewangan 2023 (rujuk graf bertajuk perolehan lima tahun J Bhd). Penerima utama SGP iaitu CEO dan ED, juga sebahagian daripada ahli Jawatankuasa LTIP yang seramai empat orang.

Jadual 1: Bilangan saham yang diberikan di bawah SGP dalam tempoh lima tahun lepas


Tahun	CEO		ED		Jumlah	
	Bilangan saham yang diberikan	RM	Bilangan saham yang diberikan	RM	Bilangan saham yang diberikan	RM
2019	25,164,960	12,834,130	2,460,800	1,255,008	27,625,760	14,089,138
2021	15,000,000	12,825,000	830,000	709,650	15,830,000	13,534,650
2022	27,000,000	7,020,000	3,000,000	780,000	30,000,000	7,800,000
2023	42,300,000	7,614,000	4,700,000	846,000	47,000,000	8,460,000
	109,464,960	40,293,130	10,990,800	3,590,658	120,455,760	43,883,788

Jadual 2: Jumlah imbuhan yang diterima oleh kedua-dua pengarah sepanjang lima tahun lepas

Tahun	CEO		ED		Jumlah	
	Imbuhan RM	SGP RM	Imbuhan RM	SGP RM	Imbuhan RM	SGP RM
2019	2,138,462	12,834,130	1,063,975	1,255,008	3,202,437	14,089,138
2020	1,843,524	12,825,000	897,271	709,650	2,740,795	13,534,650
2021	2,251,623	-	1,105,943	-	3,357,566	-
2022	2,251,702	7,020,000	1,106,022	780,000	3,357,724	7,800,000
2023	2,251,859	7,614,000	1,106,179	846,000	3,358,038	8,460,000
	10,737,170	40,293,130	5,279,390	3,590,658	16,016,560	43,883,788

Nota: Imbuhan termasuk gaji, Bonus, KWSP, SOCSO, manfaat dalam barangan/ elaun

Graf 1: Perolehan lima tahun J Bhd



Gaji berlebihan yang diberikan kepada dua pengarah ini merisaukan kami. Kami meminta penjelasan daripada Pengerusi Jawatankuasa Imbuan (*Remuneration Committee, RC*) dan Jawatankuasa LTIP sewaktu AGM yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Jawapan yang diberikan oleh Ketua Bahagian Kewangan kepada soalan kami dalam mesyuarat itu agak mengecewakan. Beliau menjelaskan bahawa kriteria untuk melaksanakan SGP sebahagian besarnya terikat dengan prestasi sebuah anak syarikat yang terlibat dalam projek pembinaan di luar negara dari 2015 hingga 2021. Insentif besar yang diberikan kepada CEO adalah selaras dengan skim imbuan yang diluluskan, dengan pemberian dan peletakkan hak saham dibuat secara serta-merta disebabkan kaitannya dengan prestasi lepas, sekali gus menghapuskan sebarang keperluan untuk meletakkan hak. Jelasnya lagi, CEO dan ED tersebut terkecuali daripada berbincang dan mengundi berhubung peruntukan imbuan masing-masing.

Walau bagaimanapun, penjelasan ini mungkin kurang meyakinkan, memandangkan SGP telah diberikan pada 2022 dan 2023, walaupun projek pembinaan di luar negara telah siap pada 2021. Kami membangkitkan soalan susulan semasa AGM tentang rasional untuk mengaitkan prestasi lepas anak syarikat dengan SGP yang masih berterusan. Kami bimbang SGP yang akan datang akan dilaksanakan di bawah kriteria yang sama. Malangnya, soalan-soalan ini tidak dijawab semasa mesyuarat.

Kami kemudiannya menerima jawapan bertulis daripada J Bhd kira-kira dua minggu selepas AGM. Jawapan itu menyatakan bahawa SGP yang diberikan pada tahun 2022 dan 2023 tidak dikaitkan dengan prestasi lepas anak syarikat, kerana keuntungan pembinaan sudah pun diiktiraf sehingga 2021. Sekali lagi, maklum balas ini dapat menangani kebimbangan kami berhubung SGP yang diberikan kepada kedua-dua pengarah selepas tahun kewangan 2021. Mereka telah diberikan saham SGP berjumlah RM16.3 juta pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2023.

Penjelasan ini menimbulkan lebih banyak persoalan berbanding jawapan. Sekiranya J Bhd komited untuk mengeluarkan SGP secara berperingkat selepas projek siap, mengapakah perkara ini tidak didedahkan lebih awal dan direkodkan secara berhemat sebagai liabiliti dalam kunci kira-kira syarikat?

Lagipun, memandangkan pemberian saham itu telah pun dianugerahkan kepada CEO dan ED tanpa tempoh peletakan hak dan dikaitkan dengan prestasi masa lalu, anugerah ini sifatnya lebih menyerupai bonus prestasi. Sebenarnya, kriteria SGP nampaknya tidak menyelaraskan kepentingan pengarah dan pekerja dengan objektif jangka panjang dan strategi perniagaan J Bhd. Ini menimbulkan lagi kebimbangan tentang kesesuaian pemberian SGP kepada pengarah dengan mengorbankan kepentingan pemegang saham minoriti, kerana ia menyebabkan pencairan secara besar-besaran.

Selain itu, perlu diingat bahawa Syarikat telah melaksanakan penempatan persendirian hampir setiap tahun sejak tahun kewangan 2017, kecuali tahun kewangan 2020, mungkin disebabkan oleh pelaksanaan terbitan hak yang dijalankan pada tahun tersebut.

Gabungan terbitan hak, penempatan persendirian, pelaksanaan waran, pemberian saham dan skim opsyen saham dalam tempoh beberapa tahun menghasilkan jumlah saham terbitan yang luar biasa iaitu 2.55 bilion, berbanding 438.36 juta pada awal 2017.

Peranan jawatankuasa RC dan LTIP

Seksyen 230(1) Akta Syarikat 2016 menghendaki yuran dan faedah yang perlu dibayar kepada pengarah syarikat tersenarai dan subsidiarinya hendaklah diluluskan pada mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, Seksyen ini tidak mewajibkan kelulusan pemegang saham untuk imbuhan dan emolumen pengarah eksekutif.

Disebabkan tiada undang-undang yang mengawal isu ini, terpulang kepada lembaga pengarah untuk memutuskan imbuhan ED berdasarkan cadangan daripada RC. Walaupun Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia tidak mewajibkan RC, namun Amalan 7.2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysia Code of Corporate Governance, MCCG*) mengesyorkan penubuhannya oleh lembaga pengarah.

RC bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan prosedur imbuhan, termasuk menyemak dan mengesyorkan perkara yang berkaitan dengan imbuhan lembaga serta imbuhan pengurusan kanan. Setiap pengarah hendaklah mengelak daripada berbincang dan mengundi dalam keputusan yang melibatkan imbuhan mereka.

Apabila pakej imbuhan melibatkan SGP dan ESOS, Jawatankuasa LTIP akan mengesyorkan kepada RC saiz dan nilai saham yang akan diberikan kepada pengarah dan pekerja yang layak. RC akan meluluskan sebarang perkara yang berkaitan LTIP berdasarkan syor Jawatankuasa LTIP.

RC perlu memastikan bahawa pakej imbuhan adalah berdasarkan merit, kelayakan dan kecekapan, dan pada masa yang sama turut mempertimbangkan keputusan operasi syarikat, prestasi individu serta perbandingan dengan pasaran yang berkaitan. Mereka juga bertanggungjawab untuk memberikan penjelasan kepada pemegang saham tentang hal-hal yang berkaitan imbuhan pengarah dan pengurusan kanan serta rangka kerja imbuhan syarikat secara keseluruhan.

Jawatankuasa RC dan LTIP adalah penting bagi menegakkan piawaian tadbir urus korporat dalam PLC. Mereka bertanggungjawab memastikan supaya pelan imbuhan dan insentif adalah telus, adil dan sejajar dengan matlamat jangka panjang syarikat.

Rangka kerja pengawalseliaan mungkin perlu dipinda

Disebabkan ketiadaan undang-undang yang tegas yang mengawal kelulusan imbuhan ED, pemegang saham minoriti mengamanahkan RC dan lembaga untuk menjaga kepentingan mereka dengan memastikan syarikat menjalankan amalan pembayaran pampasan yang adil.

Bagaimanapun, kadangkala timbul persoalan berkaitan keberkesanan dan kebebasan RC, terutamanya apabila wujud pakej gaji yang terlalu tinggi serta pemberian saham

dalam jumlah yang besar yang dilaksanakan di bawah skim seperti SGP. Walaupun RC memastikan imbuhan pengarah sejajar dengan prestasi syarikat dan kepentingan pemegang saham, namun apabila berlaku insiden yang mana saham diterbitkan dalam jumlah yang besar serta pembayaran pampasan yang luar biasa, ia mencadangkan kemungkinan berlaku kelemahan dalam pengawasan dan tadbir urus.

Ini menimbulkan kebimbangan sama ada RC benar-benar memainkan peranannya dalam memastikan dasar imbuhan yang adil dan telus, kerana ganjaran yang berlebihan boleh menjejaskan nilai pemegang saham serta menghakis kepercayaan terhadap amalan tadbir urus korporat syarikat.

Ini adalah kerana, walaupun terdapat struktur dan proses tadbir urus yang betul, ada syarikat sering terlepas walaupun membayar imbuhan yang berlebihan dalam bentuk gaji, bonus dan saham kepada ED mereka. Tidak hairanlah pemegang saham minoriti sering mempersenda tindakan sedemikian yang dikatakan ibarat memerah PLC sehingga ke titisan terakhir.

Untuk meningkatkan lagi ketelusan dan akauntabiliti ke tahap yang lebih tinggi, rangka kerja undang-undang semasa perlu dikaji semula supaya imbuhan pengarah yang berubah-ubah seperti bonus dan LTIP perlu mendapatkan kelulusan pemegang saham terlebih dahulu.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 29 Julai hingga 2 Ogos 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
30.07.24 (Selasa) 11.00 pagi	Pantech Group Holdings Berhad	<p>Pantech Group mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih sebanyak RM946.6 juta dan RM105.5 juta, masing-masing mewakili penurunan sebanyak 9% berbanding tahun kewangan sebelum ini. Pendapatan yang lebih rendah ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam permintaan eksport untuk produk keluli tahan karat yang dikompaun oleh harga jualan purata yang lebih rendah.</p> <p>Pada 25 April 2024, Pantech Group mengumumkan bahawa mereka berhasrat untuk menyenaraikan anak syarikat iaitu Pantech Stainless & Alloy Industries Sdn Bhd dan Pantech Steel Industries Sdn Bhd, yang terlibat dalam perniagaan pembuatan paip keluli tahan karat dan keluli karbon, di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.</p>
31.07.24 (Rabu) 10.00 pagi	Datasonic Group Berhad	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2024, Datasonic mencatatkan prestasi kewangan yang belum pernah dicapai sebelum ini, dengan pendapatan berjumlah RM368.3 juta, mengatasi RM344.7 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan bersih Kumpulan pula melonjak ke paras tertinggi sepanjang masa sebanyak RM92.2 juta, mengatasi rekod sebelum ini yang dicatatkan pada tahun kewangan 2013. Datasonic juga mengisytiharkan dividen paling tinggi</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>untuk tahun kewangan 2024, berjumlah RM84.0 juta, yang diterjemahkan kepada 3.0 sen sesaham, menghasilkan nisbah pembayaran dividen sebanyak 91.0%. Pada tahun fiskal ini, mereka juga memperoleh kontrak penting termasuk lanjutan untuk penyelesaian Pasport Malaysia bernilai RM135.0 juta dan kontrak untuk membekalkan MyKad Solutions bernilai RM28.7 juta.</p>
<p>31.07.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Alliance Bank Malaysia Berhad</p>	<p>ABMB mencatatkan rekod dengan keuntungan bersih sebanyak RM690.48 juta pada tahun kewangan 2024, mewakili peningkatan marginal 1.86% berbanding RM677.85 juta pada tahun sebelumnya. Sementara itu, pendapatannya meningkat kepada RM2.02 bilion daripada RM1.92 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Bank mencatat pertumbuhan pinjaman yang memberangsangkan sepanjang tahun kewangan 2024, iaitu sebanyak 13.6% tahun ke tahun kepada RM55.7 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti pemberian pinjaman yang aktif dalam semua segmen perniagaan.</p>
<p>31.07.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Atlan Holdings Berhad</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM453.6 juta pada tahun kewangan 2024, mewakili peningkatan yang ketara sebanyak 19.0% berbanding RM381.3 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Bagaimanapun, Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai yang sedikit rendah sebanyak RM33.4 juta untuk tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM33.5 juta) disebabkan oleh pendapatan lain yang lebih rendah serta perbelanjaan manfaat kakitangan yang lebih tinggi.</p>
<p>02.08.24 (Jumaat) 10.30 pagi</p>	<p>Tex Cycle Technology (M) Berhad</p>	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>penubuhan skim opsyen saham pekerja (<i>employees share option scheme</i>, ESOS) sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham terbitan Tex Cycle untuk Pengarah dan pekerja yang layak. Selain itu, syarikat itu juga berhasrat untuk mendapatkan kelulusan bagi cadangan pindaan kepada Perlembagaan Syarikat bagi memudahkan pelaksanaan cadangan pemindahan penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan Tex Cycle dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama Bursa Securities.</p>

Perkara penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
<p>Pantech Group Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Bahagian Pembuatan berdepan masalah pada tahun kewangan 2024, yang menjejaskan pendapatan Syarikat iaitu berjumlah RM435.65 juta, 17.10% lebih rendah berbanding prestasi yang cemerlang pada tahun kewangan 2023, sebanyak RM525.55 juta. Disebabkan itu, keuntungan bagi segmen pembuatan merosot sebanyak RM32.45 juta kepada RM83.49 juta. Dua faktor utama yang menyumbang kepada prestasi Bahagian Pembuatan iaitu penurunan permintaan eksport dari segi volum untuk produk keluli tahan karat serta harga jualan purata yang lebih rendah. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2024)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapa peratuskah penurunan jumlah eksport produk keluli tahan karat pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun sebelumnya? Sila berikan pecahan jualan eksport Kumpulan mengikut negara untuk dua tahun kewangan yang lalu. b) Apakah jangkaan Kumpulan berhubung permintaan dan harga jualan produk keluli tahan karat? Apakah strategi yang dirancang bagi menangani penurunan margin keuntungan bahagian untuk tahun kewangan 2025? c) Adakah permintaan yang lemah untuk produk keluli tahan karat akan menjejaskan prospek Kumpulan untuk menyenaraikan anak syarikatnya iaitu Pantech Stainless & Alloy Industries Sdn Bhd dan Pantech Steel Industries

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>Sdn Bhd, terutamanya dalam perniagaan pembuatan paip keluli karbon dan keluli tahan karat di Pasaran Utama? Berapakah jumlah pendapatan dan keuntungan selepas cukai yang disumbangkan oleh kedua-dua anak syarikat ini pada tahun kewangan 2024?</p>
Datasonic Group Berhad (AGM)	<p>Pada Jun 2024, Datasonic memperoleh kontrak bernilai RM181.7 juta, yang merangkumi perkhidmatan penyelesaian dan penyelenggaraan MyKad dan pasport Malaysia, yang meningkatkan pesanan mereka serta memastikan keterlihatan pendapatan yang kukuh (Halaman 40, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah pesanan semasa yang belum diselesaikan untuk tahun kewangan berakhir 2024? Sila berikan juga nilai kontrak yang belum dibilkan setakat hari ini.</p> <p>Berapa lamakah buku pesanan ini dapat bertahan dan apakah penambahan buku pesanan yang disasarkan dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?</p>
Alliance Bank Malaysia Berhad (AGM)	<p>1. Bank mencatatkan peningkatan kualiti aset pada tahun kewangan 2024 dengan nisbah pinjaman terjejas kasar (<i>gross impaired loan, GIL</i>) yang lebih rendah sebanyak 2.1% (tahun kewangan 2023: 2.5%).</p> <p>a) Bagaimanakah kualiti aset untuk segmen perniagaan yang berbeza iaitu Segmen Pengguna, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Perbankan Komersial dan Perbankan Korporat, pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Penurunan dalam pinjaman yang terjejas dapat dilihat merentas kebanyakan sektor ekonomi, kecuali sektor Pembinaan dan Borong, perdagangan runcit, restoran dan hotel (Halaman 264, Nota 9 (ix) – Pinjaman terjejas kredit dianalisis mengikut sektor ekonomi, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Bagaimanakah tingkah laku pembayaran balik oleh penghutang menurut pemerhatian Bank merentas kesemua segmen ini?</p> <p>2. Nisbah kos kepada pendapatan (<i>cost-to-income, CIR</i>) ABMB meningkat 230 mata asas pada tahun kewangan 2024 kepada 48.2% daripada 45.9% pada tahun</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>sebelumnya. Jumlah perbelanjaan kendalian (<i>operating expenses</i>, OPEX) meningkat sebanyak RM92.3 juta atau 10.5% kepada RM973.7 juta daripada RM881.4 juta sebelum ini.</p> <p>Kira-kira 62% daripada jumlah peningkatan dalam OPEX adalah disebabkan oleh perbelanjaan berkaitan kakitangan yang timbul daripada kenaikan berikutan persetujuan bersama dan peningkatan jumlah pekerja (Halaman 8, Taklimat Penganalisis untuk tahun kewangan 2024 bertarikh 30 Mei 2024).</p> <p>Sila berikan butiran OPEX yang ditanggung untuk perjanjian kolektif serta peningkatan jumlah pekerja. Bahagian manakah yang melibatkan peningkatan dalam bilangan pekerja? Apakah perancangan untuk bahagian berkenaan dengan bilangan pekerja yang lebih tinggi? Apakah kuantum kenaikan di bawah perjanjian kolektif? Berapa ramai kakitangan yang mendapat manfaat daripada kenaikan itu?</p>
Atlan Holdings Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Atlan memiliki dua hartanah di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur iaitu Menara Atlan dan sebuah pangsapuri servis. Cabang hartanah Kumpulan mengurus Menara Atlan manakala cabang hospitaliti Kumpulan mengendalikan apartmen servis yang dinamakan "The Zon All Suites Residences on the Park" ("Hotel Zon"). Hotel Zon telah menghentikan operasi buat sementara waktu berkuat kuasa 30 Jun 2020. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2024) <ol style="list-style-type: none"> a) Apakah kadar penghunian Menara Atlan? Apakah pula hasil sewanya? b) Apakah rancangan Atlan untuk Hotel Zon memandangkan sudah lebih empat tahun ia berhenti beroperasi? 2. Segmen Automotif Kumpulan menghadapi cabaran disebabkan oleh perniagaan yang tidak menentu, peningkatan kos bahan mentah serta kemunculan teknologi baharu yang berpotensi menjejaskan bahagian pasaran Kumpulan. (Halaman 25, Laporan Tahunan 2024)

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<ul style="list-style-type: none"> a) Sila terangkan bagaimanakah perniagaan yang tidak menentu, serta pengenaan tarif yang lebih tinggi oleh Amerika Syarikat ke atas lebih banyak produk China boleh memberi kesan terhadap perniagaan segmen Automotif? b) Bagaimanakah jualan kenderaan elektrik (EV) yang semakin meningkat memberi kesan kepada perniagaan segmen?



FORUM
for Minority
Shareholders

UNDERSTANDING MPHB PRIVATISATION

MPHB Capital Berhad (MPHB) has recently announced a proposed selective capital reduction and repayment exercise (Proposed SCR), offering RM1.70 per share for the privatisation of the company by its major shareholder.

In response to numerous concerns and requests from minority shareholders, the Minority Shareholders Watch Group (MSWG) will organise a forum to provide a comprehensive overview and clarification of the Proposed SCR and the upcoming independent advice letter.

The date and venue of the forum will be announced soon.

Please stay tuned for our updates.



CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA

NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT 2024

More than 80 speakers, 13 workshops and 7 masterclasses. Free and open to the public.

TUESDAY 10 SEPT - THURSDAY 12 SEPT 2024 | HYBRID EVENT | [REGISTER HERE](#)



ORGANISED BY

MSWG

SEPTEMBER 2024

NACGSA

NATIONAL CORPORATE GOVERNANCE &
SUSTAINABILITY AWARDS 2024

DISCLOSURE OF INTERESTS

With regard to the companies mentioned, MSWG holds a minimum number of shares in all the companies covered in this newsletter.

DISCLAIMER

This newsletter and the contents thereof and all rights relating thereto including all copyright is owned by the Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, also known as the Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

The contents and the opinions expressed in this newsletter are based on information in the public domain and are intended to provide the user with general information and for reference only. Best efforts have been made to ensure that the information contained in this newsletter is accurate and current as at the date of publication. However, MSWG makes no express or implied warranty as to the accuracy or completeness of any such information and opinions contained in this newsletter. No information in this newsletter is intended to be or should be construed as a recommendation to buy or sell or an invitation to subscribe for any, of the subject securities, related investments or other financial instruments thereof.

MSWG must be acknowledged for any part of this newsletter which is reproduced.

MSWG bears no responsibility or liability for any reliance on any information or comments appearing herein or for reproduction of the same by third parties. All readers or investors are advised to obtain legal or other professional advice before taking any action based on this newsletter.